

# Bantuan rakyat susah miliki cermin mata

Saya berbangga dengan pelbagai bantuan kerajaan untuk rakyat. Terbaru, Kedai Optik Rakyat 1Malaysia (KOR1M) yang membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli barangan optik.

KOR1M memberi penjaminan golongan berpendapatan rendah memiliki cermin mata dengan harga RM70 sehingga RM100 sepasang.

Selain itu, program KOR1M ini juga dilihat memberikan bantuan sepenuhnya kepada rakyat yang mengalami masalah rabun.

KOR1M juga menawarkan insurans untuk cermin mata yang rosak dan hilang dalam tempoh setahun dari tarikh pembelian. Kini, golongan berpendapatan rendah tidak perlu lagi risau untuk membeli cermin mata baru dengan harga yang tinggi jika cermin mata rosak atau hilang dalam tempoh satu tahun dari tarikh pembelian.

## **Keprihatinan kerajaan**

Program ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sangat mengambil berat terhadap rakyat terutama golongan

yang mengalami masalah rabun dan bercermin mata.

Ini bukan sahaja dilihat dapat membantu golongan dewasa bahkan dengan potongan harga yang ditawarkan ia juga membantu pelajar untuk membeli cermin mata bagi memastikan mereka lebih selesa ketika belajar.

Program KOR1M adalah satu usaha yang bijak oleh kerajaan dalam membantu rakyat mengalami masalah rabun.

**Nurul Najwa Anuar**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia